

Palavo Tablet 650mg

Paracetamol (650mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Palavo Tablet
2. Bagaimana Palavo Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Palavo Tablet
4. Cara menggunakan Palavo Tablet
5. Semasa menggunakan Palavo Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Palavo Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan Palavo Tablet

Palavo Tablet digunakan untuk melegakan demam dan mengurangkan kesakitan tahap ringan dan sederhana.

Bagaimana Palavo Tablet berfungsi

Palavo Tablet mengandungi bahan aktif paracetamol yang boleh membantu melegakan sakit, demam dan bengkak.

Sebelum menggunakan Palavo Tablet

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Palavo Tablet jika anda:

- alah terhadap bahan yang terkandung di dalam ubat ini
- sedang mengambil ubat lain yang juga mengandungi paracetamol.

Sebelum menggunakan Palavo Tablet

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika:

- Anda hamil atau merancang untuk hamil
- Anda sedang menyusukan anak.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Palavo Tablet

Berapa banyak harus digunakan

Untuk kegunaan oral (dimakan) sahaja.

Dewasa: 1 - 1½ biji setiap 4-6 jam (tidak melebihi daripada 6 biji di dalam sehari)

Boleh diambil sebelum atau selepas makan bersama segelas air.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

- Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.
- Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Jika anda terlupa menggunakannya

Ambil dos ubat sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos sebelum ini dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan kerosakan hati yang teruk dan juga menyebabkan kerosakan buah pinggang. Rawatan yang cepat diperlukan dengan menggunakan acetylcysteine atau methionine.

Semasa menggunakan Palavo Tablet

Perkara yang perlu dilakukan

Ubat ini adalah untuk kegunaan oral (dimakan) sahaja.

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Palavo Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan melebihi dos yang dibenarkan.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Palavo Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Sila berunding dengan doktor anda atau ahli farmasi, terutamanya kepada mereka yang terdapat alahan dengan ubat ini.

AMARAN

Produk ini mengandungi PARACETAMOL. Dilarang mengambil ubatan lain mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

Mungkin mengakibatkan toksik pada hati dan kerosakan teruk. Jangan ambil melebihi dos yang disyorkan.

Amaran alahan: Paracetamol mungkin boleh menyebabkan masalah kulit yang teruk. Simptom termasuk kulit kemerahan, lepuh atau ruam. Hal ini mungkin petanda kondisi yang serius. Jika hal ini berlaku, berhenti menggunakan ubat ini dan cari bantuan medikal secepat mungkin.

Kesan-kesan sampingan

- Kesan sampingan ubat adalah jarang berlaku dan selalunya kesan yang ringan sahaja termasuk reaksi sel-sel darah dalam badan seperti thrombocytopenia (kekurangan platelet dalam darah) dan leucopenia (kekurangan sel darah putih)
- Ruam kulit, tindak balas hipersensitiviti jarang berlaku.
- Cutaneous hypersensitivity reactions (penyakit kulit sensitif) termasuk ruam kulit, angioedema (lapisan kulit yang bengkak), Stevens Johnson Syndrome/ Toxic Epidermal Necrolysis telah dilaporkan.

Seperti ubat-ubatan lain, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Jika anda mengalami tanda-tanda berterusan melebihi 7 hari, sila berjumpa dengan doktor, doktor gigi atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web np.ra.moh.gov.my [Orang Awam → Laporan Kesan Sampingan Ubat (ConSERF) atau Vaksin (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Palavo Tablet

Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Tarikh luput produk ini ditunjukkan pada bungkusan.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Palavo Tablet berwarna putih, berbentuk cembung, dengan logo “XS” dan garis pemisah di satu bahagian, dan kosong di bahagian yang lain.

Setiap tablet mempunyai Paracetamol 650mg.

Terdapat dalam pek saiz 70 biji setiap kotak (10 biji setiap blister).

Bahan- bahan kandungan

Bahan aktif

Paracetamol

Bahan tidak aktif

Corn Starch, Pregelatinized Starch, PVP K-30, Sodium Starch Glycolate dan Stearic Acid.

Nombor MAL

MAL

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd

1-5 Cheng Industrial Estate,

75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

12/01/2022

Nombor siri

NPRA (R2) 21/135